

21/02/1999

Banduan dapat layanan sempurna

GEORGETOWN: Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan tidak pernah memberi layanan kejam dan berperikemanusiaan terhadap orang tahanan di negara ini.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata adalah sukar untuk mempercayai tanggapan negatif terhadap sistem kepenjaraan di negara ini, terutama apabila ia dinyatakan oleh pihak asing.

"Kita tidak bersikap kejam tetapi bertindak secara berpatutan, yang sesuai terhadap individu yang melakukan kesalahan dan sudah tentunya layanan diberi tidak mencapai taraf seperti di hotel lima bintang," katanya.

Beliau mengulas laporan Jawatankuasa Mengenai Hak Kemanusiaan yang dibentuk Kesatuan Ahli Parlimen Antarabangsa (IPU) berhubung situasi ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng yang kini berada di Penjara Kajang.

Laporan jawatankuasa yang diketuai ahli Parlimen Australia, Clyde Holding, itu mendakwa Guan Eng ditempatkan dalam bilik tahanan tanpa tingkap kecuali lubang udara.

Laporan itu menyifatkan keadaan yang dialami Guan Eng sebagai kejam dan tidak berperikemanusiaan, malahan tidak mencapai tahap mengikut Perkara 11 Peraturan Minimum Layanan Orang Tahanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mengulas laporan itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata: "Isi kandungan laporan itu perlu diteliti terutama kerana ia memberi pandangan terlalu buruk berbanding keadaan sebenar di negara ini."

Beliau berkata demikian selepas majlis kesyukuran sempena pelantikan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri anjuran Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas dekat sini, malam tadi.

Hampir 1,000 ahli Umno dari seluruh negeri ini hadir di majlis yang turut dihadiri bersama Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar.

Selain itu, Abdullah yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Pulau Pinang juga memaklumkan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat negeri ini pada 1 dan 2 April ini.

(END)